

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang apakah status permohonan untuk membina Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Simanggang, Bahagian Sri Aman, Sarawak kerana terdapat permintaan yang tinggi dalam kalangan anak muda yang cenderung kepada latihan amali dan kemahiran di kawasan ini dan kawasan berdekatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengucapkan terima kasih kepada YB Batang Lupar di atas keprihatinan dalam soal pembangunan kemahiran TVET dalam kalangan belia negara.

2. Kementerian Belia dan Sukan melalui **22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS)** iaitu 8 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan satu Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) yang menawarkan **latihan kemahiran sepenuh masa** dari tahap 1 hingga tahap 5 merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia, Sijil Lanjutan Kemahiran Malaysia, Diploma

NO. SOALAN : 42

Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional dalam **14 bidang utama** antaranya Teknologi Awam, Mekanikal, Elektrikal, Elektronik, Hospitaliti, Fotografi, Personel, Automotif, Tekstil, Teknologi Maklumat, Marin, Teknologi Pertanian, Minyak dan Gas, serta Teknologi Sukan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KBS belum bercadang untuk membina IKBN di Simanggang, Bahagian Sri Aman. Namun begitu, KBS mempunyai sebuah **IKBN di Miri** yang menawarkan latihan kemahiran TVET kepada golongan belia terutamanya di Sarawak sama ada melalui program sepenuh masa dan kursus jangka pendek. IKBN Miri telah dibina pada tahun 2002 yang mempunyai kapasiti pelajar seramai 900 orang. Antara kursus-kursus yang ditawarkan di IKBN Miri adalah dalam bidang Teknologi Mekanikal, Teknologi Hospitaliti dan Teknologi Automotif di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia.

4. Dari tahun 2010 hingga 2020, jumlah graduan yang telah menamatkan latihan kemahiran di IKBN Miri adalah seramai **3,150 orang belia**. Hasil daripada kajian kebolehpasaran graduan ILKBS 2019, **kadar kebolehpasaran** graduan IKBN Miri adalah **96% dan gaji purata sebanyak RM1,542.50**. Sehubungan itu, KBS akan terus memberi fokus dalam memperkukuhkan bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN Miri bagi memastikan latihan yang terbaik kepada belia dan memenuhi keperluan industri disamping mempertingkatkan bilangan pelaksanaan program Bootcamp dan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang dilaksanakan secara intensif dengan jaminan pekerjaan oleh industri selepas tamat latihan.

5. Selari dengan hasrat kerajaan bagi menyediakan latihan TVET kepada para belia khususnya di Sarawak, KBS telah memohon kelulusan di bawah **Projek Rancangan Malaysia Ke-12** bagi mewujudkan **Kampus Satelit Sibul, Sarawak** dalam usaha menyediakan peluang latihan kemahiran kepada golongan belia di pinggiran bandar dan luar bandar. Para belia di Bahagian Sri Aman, akan turut berpeluang mendapatkan latihan TVET di kampus satelit tersebut.

NO. SOALAN : 42

6. Pemilihan kawasan juga akan merujuk kepada persekitaran yang berhampiran dengan penempatan serta jauh dari institusi latihan sedia ada. Sibu dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi untuk pelaksanaan program Kampus Satelit berdasarkan kapasiti penduduk belia iaitu seramai 1,262,800 orang daripada jumlah penduduk yang berjumlah 2,907,600 orang serta selaras dengan konsep *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dalam melahirkan rakyat yang berkemahiran, memenuhi keperluan industri dan pasaran tempatan.

7. Antara bidang yang dicadangkan bagi melaksanakan program Kampus Satelit di Sibu, Sarawak adalah:

- (i) bidang Personel;
- (ii) bidang Tekstil;
- (iii) bidang Fotografi dan Videografi; dan
- (iv) bidang *Scaffolding*.

Sekian terima kasih.